

Institusi urus dana PKS sedia percepat proses pinjaman

31 SEP 2001

PELBAGAI institusi yang menguruskan dana khas untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), menyatakan kesediaan untuk memudahkan urusan pemberian dana itu dengan memendekkan tempoh memproses pinjaman.

Selain itu, institusi terbabit juga bersedia melonggarkan beberapa syarat yang dikenakan sejajar usaha kerajaan membaiki syarat dan memudahkan pembiayaan di bawah dana sedia ada bagi PKS.

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd (BPIMB) berkata, pihaknya sedia memudahkan urusan PKS yang berminat mendapatkan dana khas yang dikendalikannya dengan memendekkan tempoh memproses pinjaman.

Jurucakapnya, ketika dihubu-

ngi Rerita Harian di Kuala Lumpur, semalam berkata, pihaknya bagaimanapun akan tetap berhati-hati membuat penilaian sebelum sebarang pinjaman diluluskan.

"Ini sejajar dengan usaha kami memastikan bahawa dana yang disalurkan oleh kerajaan kepada BPIMB untuk membantu PKS tidak disalahgunakan dan dapat memenuhi matlamat pemberiannya," katanya.

Beliau berkata, walaupun masih terlalu awal untuk membincangkan kelonggaran syarat, langkah scrt-a-merta yang boleh diambil BPIMB ialah dengan mempercepat urusan memprosesnya.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengumumkan kerajaan membaiki syarat dan memudahkan pembiayaan di bawah dana

sedia ada bagi PKS sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi bernilai RM4.3 bilion.

Ketika ini, kerajaan menyediakan enam dana khas yang bertujuan membantu pembangunan PKS terutama Bumiputera yang disalurkan menerusi pelbagai institusi dan di bawah kawal selia Bank Negara

Dana itu ialah Dana Usahawan Baru, Dana Untuk Makanan, Dana Untuk Industri Kecil dan Sederhana 2, Dana Projek Usahawan Bumiputera, Dana Pemulihan untuk Industri Kecil dan Sederhana dan Dana Pemulihan Usahawan dan Pembangunan.

Sementara itu, beberapa institusi lain yang turut mengendalikan kemudahan itu, ketika dihubungi, juga menyatakan kesediaan mereka mempermudah

dan mempercepat kelulusan dana bagi skim berkenaan.

Bagaimanapun, kebanyakannya menyatakan bahawa mereka perlu menunggu langkah yang akan diumumkan Bank Negara terlebih dulu sebelum membuat sebarang keputusan berhubung pet-kara itu.

Menurut seorang daripada mereka, Bank Negara dijangka mengadakan perbincangan dengan institusi terbabit serta persatuan yang mewakili PKS sebelum mengumumkan syarat baru bagi pembiayaan itu.

"Ini kerana, perkara itu membabitkan kepentingan umum dan Bank Negara biasanya melakukan perbincangan terperinci sebelum membuat sebarang perubahan atau pengumuman, tetapi ia dijangka dapat dikeluarkan tidak lama lagi," katanya.